

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP**  
**[ MERBOK ]**  
**TARIKH : 23 OKTOBER 2019**  
**[ RABU ]**

**SOALAN NO. 31**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah sisa pepejal haram yang berada dalam pengetahuan pihak Kementerian dan apakah kaedah yang diambil bagi menyelesaikan masalah sisa pepejal ini.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sisa haram merujuk kepada sisa yang dilonggokkan, diolah, disimpan, distorkan atau dilupuskan di tempat yang tidak dibenarkan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) atau mana-mana peraturan-peraturan di bawah Akta 672.
2. Untuk makluman, sejak tahun 2016 sehingga Ogos 2019, jumlah sisa haram yang direkodkan oleh pihak Kementerian dianggarkan sebanyak 23,796 tan melibatkan 1,103 lokasi.

3. Kebanyakan jenis sisa haram tersebut terdiri daripada sisa binaan yang dilonggokkan seperti sisa perobohan, batu, simen, pasir, kayu dan lain-lain. Selain itu, terdapat juga sisa industri seperti botol-botol kilang, palet, sisa pembungkusan dan lain-lain.

### **Pembasmian sisa haram**

1. Kaedah yang diambil oleh Kementerian bagi menyelesaikan masalah sisa haram adalah seperti berikut:
  - i. Menyediakan Pelan Tindakan Menangani Isu Pembuangan Sisa Pepejal Di Lokasi Yang Tidak Dibenarkan (Sampah Haram);
  - ii. Pemasangan papan tanda serta *barrier tape* bagi kawasan yang telah dibersihkan dan berpotensi menjadi lokasi pembuangan sisa haram;
  - iii. Pemantauan secara bersepada antara Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan masyarakat setempat dalam membantu memastikan masalah sisa haram tidak berlaku;
  - iv. “Operasi Intip dan Cekup” bagi mengenal pasti mereka yang tidak bertanggungjawab melanggar undang-undang membuang sisa di lokasi yang tidak dibenarkan;
  - v. Anggota penguat kuasa SWCorp mengenal pasti lokasi-lokasi “hot spot” yang sering menjadi tumpuan pihak tertentu untuk meningkatkan aktiviti penguatkuasaan di lokasi-lokasi tersebut; dan

- vi. Mengambil tindakan ke atas pesalah yang membuang sisa secara haram mengikut Seksyen 71, Akta 672. Jika disabitkan kesalahan, denda boleh dikenakan tidak kurang daripada RM10,000.00 dan tidak melebihi RM100,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada 6 bulan dan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya.
2. Untuk makluman Yang Berhormat, menerusi pembasmian lokasi sisa haram dan operasi-operasi yang telah dijalankan oleh Kementerian melalui SWCorp, dari tahun 2016 hingga Ogos 2019 sebanyak 56 kes berkaitan pembuangan sisa haram telah disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 71 (1) Akta 672 dengan jumlah denda sebanyak RM765,500.00 membabitkan lokasi-lokasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kedah dan Perlis.
3. SWCorp juga telah menubuhkan Unit Operasi dengan kekuatan anggota penguat kuasa terlatih dalam membuat intipan dan serbuan bagi membanteras kewujudan lokasi sisa haram yang baharu dan sisa haram yang berulang.
4. Oleh yang demikian, orang awam diingatkan untuk melupuskan sisa pepejal mengikut tatacara dan peraturan yang telah ditetapkan.
5. Tanggungjawab untuk menjadikan kawasan persekitaran bebas daripada masalah sisa haram merupakan tanggungjawab bersama dan penglibatan orang awam amat perlu supaya lebih bertanggungjawab dengan tidak membuang sisa di tempat yang tidak dibenarkan serta melaporkan kepada pihak berkuasa seperti SWCorp sekiranya mendapat maklumat mengenai pembuangan sisa haram ini.

Sekian, terima kasih.